

# Usim, Jakim tandatangani MOA

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, semalam.

Program itu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan para mahasiswa bidang tahfiz melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah, khususnya untuk melahirkan pakar-pakar tempatan daripada Darul Quran.

Mewakili Usim dalam majlis tersebut adalah Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr Musa Ahmad, manakala mewakili Jakim diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha.

Majlis disaksikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi



**Musa (kiri) bertukar dokumen dengan Othman (kanan) sambil disaksikan Asyraf Wajdi pada Majlis Menandatangani MOA antara Usim dan Jakim, semalam.**

Dusuki.

Dr Musa berkata, majlis itu merupakan sambungan kepada MOA yang sudah ditandatangani sebelum ini bagi penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah di Darul Quran.

"Program Ijazah Sarjana Muda

ini telahpun dimulakan sejak 2009.

"Dalam tempoh pelaksanaannya, telah nampak sambutan amat memberangsangkan sekali," katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan yang berlangsung di Galeri Canselori Usim, di sini, semalam.